

# TAHNIAH !! ANUGERAH EMAS UNTUK SAKUPP DAN I SMART DI KONVENSYEN KIK 2015 PERINGKAT KEBANGSAAN POLITEKNIK



**KONVENSYEN  
KIK 2015**  
(KUMPULAN INOVATIF & KREATIF)  
PERINGKAT KEBANGSAAN POLITEKNIK MALAYSIA

Konvensyen KIK 2015 Peringkat Kebangsaan Politeknik seluruh Malaysia telah diadakan pada 9 - 11 Jun 2015 di Dewan Harumanis Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin. Politeknik Merlimau telah berjaya menerima anugerah emas daripada kedua-dua kumpulan yang menyertainya. Walaupun tidak tersenarai sebagai 5 kumpulan terbaik, salah satu daripada kumpulan tersebut telah berjaya mendapat tempat ke enam. Semangat berpasukan yang ditunjukkan oleh kedua-dua kumpulan yang terdiri dari staf jabatan akademik dan unit-unit sangat membanggakan dan perlu diteruskan lagi di masa akan datang. Semoga PMM memperolehi kejayaan di Konvensyen KIK tahun hadapan.

Tema konvensyen pada kali ini, “Memperkasa KIK Melonjak Politeknik” sesuai dengan strategi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2015 bermatlamat untuk memupuk kreativiti dan inovasi dalam membangunkan potensi individu secara holistik dan bersepadu bagi menghasilkan generasi muda cemerlang di peringkat global dan berupaya menghadapi cabaran abad ke-21.

Inovasi adalah sangat penting dalam mempertingkatkan prosedur kerja selain daripada pembangunan ekonomi negara. Pertandingan KIK ini merupakan suatu platform bagi membolehkan warga politeknik mempamerkan daya kreatif dan inovatif mereka.

Pada tahun ini seramai 374 peserta telah mengambil bahagian dan telah dibahagikan kepada 37 kumpulan. 20 kumpulan terlingkung dalam kategori teknikal manakala selebihnya termasuk dalam kategori pengurusan. Persaingan yang ditonjolkan oleh kesemua peserta adalah sangat sengit sehingga mereka perlu membentangkan dan meyakinkan panel-panel yang terdiri daripada pelbagai agensi tentang kemampuan dan nilai produk yang dihasilkan dalam menyelesaikan sesuatu masalah dengan sebaik mungkin.



Peserta Kumpulan SAKUPP

Sijil Penghargaan kepada peserta



Peserta kumpulan i Smart



## Ahli Kumpulan



**FASILITATOR**  
Faizal Abd Hadi



**KETUA  
KUMPULAN**  
Md Hidayat Abd  
Jalil



Badarism  
Othman



Md Nor  
Sirat



Juhaidah  
Abd Hakim



Mohd  
Hisham  
Wagi



Dzaidah  
Hanin  
Azlim



Muhamad  
Redzuan  
Md Nazar



Mohd Noor  
Hamam  
Saeman



Norfarhana  
Falil



Mohd  
Safari  
Sarodin

## Sinopsis

Pengurusan aduan kerosakan infrastruktur secara tradisional (borang) mendatangkan kesukaran dari segi pengadu dan penerima laporan. Borang aduan kerosakan yang memerlukan tandatangan ketua jabatan / ketua unit mengambil masa dan melambatkan proses penerimaan aduan. Kerosakan yang dilapor pula tidak sama dengan keadaan sebenar di tempat berkenaan apabila tindakan susulan dilakukan oleh Unit Pembangunan dan Penyelenggaraan. Maka, kumpulan SAKUPP telah mengambil inisiatif dengan membangunkan sistem e-Aduan Kerosakan yang berjaya menangani masalah penggunaan borang serta berkesan dalam menyelesaikan kerosakan yang dilapor dengan beberapa ciri unik yang terdapat dalam sistem ini. Sistem ini bukan sahaja telah dilaksanakan 100% di seluruh jabatan dan unit di Politeknik Merlimau, Melaka, malah berjaya mendapatkan hak 'Copyright' dari MyIPO dan sokongan dari Jabatan Pengajian Politeknik dan beberapa institusi lain.

## Pencapaian Projek

1. MyIPO (Perbadanan Harta Intelekt Malaysia) (Copyright 2015)
2. Kolaborasi Kolej Komuniti dan Politeknik





## Ahli Kumpulan



**Fasilitator**  
Asrudin Mat  
Ali



**Ketua Kump.**  
Kamal Ali



Rohaila Abdul  
Razak



Siti Aishah  
Abd. Kadir



Azlinda  
Ahmad



Faizah Yusof



Hanis Alia  
Ramley



Mohd Shahrir  
Ahmad Zaini



Ismail  
Mohammad



Rizman Ezani  
Razali



Mohd Zahir  
Zainol

## Sinopsis

I-Smart telah mengenalpasti masalah tandas pelajar lelaki yang kotor disebabkan oleh aduan pelajar melalui borang aduan pengguna, aduan pekerja pembersihan, bau yang tidak menyenangkan dan juga untuk tujuan mengurangkan kos penyelenggaraan. Masalah ini juga dipilih berdasarkan kepada kepatuhan amalan kualiti persekitaran (QE), perbincangan dan minit dalam mesyuarat jabatan, kepatuhan kepada perkara 21 Akta 1974 tentang kebersihan dan Akta Makanan. Cadangan penyelesaian yang diambil ialah; memasang pengesan asap/sistem penggera, mewujudkan pengurus bertugas, memantau jadual pembersihan, cadangan membaik pulih, meletak tanda amaran, memasang kipas pengudaraan dan penambahan bilik tandas untuk keselesaan pelajar. Impak dari projek ini ialah dapat mengurangkan tabiat merokok di dalam tandas, mewujudkan tandas yang lebih bersih dan memantapkan amalan kualiti persekitaran yang berkesan untuk meningkatkan pengalaman pelajar.

## Pencapaian Projek

1. Pingat Perak Konvensyen KIK PMM 2014

